

1049

ANALISIS PERANAN HATI OLEH AL-TAFTAZANI DI DALAM HURAIAN TASAWUF HADIS *AL-ARBA'IN* *AL-NAWAWIYYAH* DAN PERBANDINGANNYA DENGAN HIKAM MELAYU TOK PULAU MANIS

Rosni binti Wazir
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
rosni@kuis.edu.my

ABSTRAK

Peranan hati adalah sesuatu yang sangat penting dalam amalan umat Islam seharian. Maka, tidak hairanlah sekiranya Imam al-Nawawi telah meletakkan beberapa buah hadis di dalam al-Arba'in yang berkaitan dengan hati dan fungsinya. Karya al-Nawawi ini pula telah dihuraikan oleh ramai penulis dengan pelbagai pendekatan dan metodologi. Salah seorang daripadanya adalah Sa'd al-Din al-Taftazani, tokoh yang terkenal dalam akidah dan bahasa Arab. Namun begitu, penulisan ini hanya akan menumpukan kepada pendekatan sufistik beliau dan membandingkannya dengan pendekatan tasawuf Tok Pulau Manis di Hikam Melayu. Karya Hikam Melayu ini dipilih kerana ia dapat menggambarkan konsep dan pemahaman ilmu tasawuf yang mendalam. Hasil analisis terhadap pendekatan sufistik al-Taftazani ini akan menampakkan perkaitan yang erat di antara peranan hati di dalam al-Arba'in al-Nawawiyyah dengan ilmu tasawuf itu sendiri.

Kata Kunci : Peranan hati, al-Taftazani, Sufistik, Al-Arba'in Al-Nawawiyyah, Hikam, Tok Pulau Manis.

1. Pendahuluan

Al-Arba'in al-Nawawiyyah adalah salah satu daripada karya Imam al-Nawawi yang terkenal. Ia telah mendapat perhatian daripada pengarang, penulis dan cendekiawan serata dunia. Hadis-hadis yang termuat di dalamnya juga memberi pengajaran yang sangat bermakna kepada sesiapa yang menelaahnya. Salah satu daripada hadisnya yang terkenal adalah hadis berkaitan dengan niat yang diletakkan di permulaan susunannya.

Salah seorang daripada cendekiawan dan ahli bijaksana muslim yang mencurahkan masa dan tenaga serta kepakaran untuk menghuraikan hadis-hadisnya adalah al-Taftazani. Sebagai seorang tokoh tasawuf yang terkenal di zamanya, beliau telah menampakkan kecenderungannya yang sangat ketara di dalam huraianya itu. Salah satu daripada penerapan konsep tasawuf yang menarik adalah sebagaimana yang dilakukan dalam huraianya terhadap hadis satu *al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Huraian tersebut telah menghasilkan satu konsep ikhlas yang mendalam dan mendasari ilmu tasawuf itu sendiri.

Justeru, untuk melihat sejauh mana ia menepati kaedah dan konsep sebenar di dalam ilmu tasawuf, penulisan ini akan membandingkannya dengan huraian yang dilakukan oleh Tok Pulau Manis di dalam al-Hikam. Konsep niat, hati serta ikhlas yang disentuh di dalam al-Hikam akan menjadi timbang tara terhadap konsep ikhlas oleh al-Taftazani itu.

2. Biodata Al-Taftazani

Sa'ad al-Taftazani dilahirkan pada kurun ke 7H/13M merupakan tokoh yang terkenal dalam bahasa Arab, akidah, *al-mantiq*, *usul al-fiqh*, tafsir, *al-kalam* dan lain-lain. Beliau adalah kelahiran wilayah *al-'ajamiyyah* (bukan Arab) dan telah melalui satu *rehlah 'ilmiyyah* yang memematkan. Segala masa dan usaha yang ada dicurahkan untuk kerja-kerja mengajar, menulis, mendidik dan bermuzakarah sesama ulama pada waktu itu. Hasilnya, telah lahir murid-murid yang hebat serta karya-karya yang bermutu tinggi, sama ada dalam bentuk karya asal, *al-sharh*, *al-hasyiah* atau *al-talkhis*.

Nama beliau sebenarnya adalah Mas'ud bin Umar bin 'Abd Allah al-Taftazani al-Harawi al-Syafi'i al-Khurasani, atau lebih dikenali sebagai Sa'ad al-Din al-Taftazani. Terdapat satu sahaja *kunniyah* yang diberikan kepada al-Taftazani iaitu Abu Sa'id, sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. 'Abd Allah 'Ali al-Mala (Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala, 1996).

Al-Taftazani dilahirkan di Taftazan pada 722H/1322M, sebuah kawasan berhampiran Nasa, sebuah bandar berhampiran Khurasan. Ia terletak berhampiran Sarkhas, Marw dan Naysabur (Farid Wajdi, t.t.). Beliau berasal daripada sebuah keluarga yang terkenal. Bapanya, 'Umar yang diberi gelaran "Fakhr al-Din" atau "Zayn al-Din" merupakan seorang yang berilmu dan memegang jawatan qadi. Datuknya yang bernama 'Abd Allah diberi gelaran "Burhan al-Din" juga seorang kadi yang terkenal dan mempunyai kelayakan ilmu yang tinggi. Kehebatan yang dimiliki oleh keturunan ini jelas sekali mewarisi keilmuan yang dimiliki oleh moyangnya yang digelar "*Syams al-Haq wa al-Din*" (Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala 1996).

al-Taftazani meninggal dunia pada hari Isnin, 22 Muharram 792H/10 Januari 1390M di Samarqand. Kerandanya dipindahkan ke Sarkhas dan disemadikan di sana pada hari Rabu, 8 Jamadil Awaal tahun yang sama (al-Asbihani, 1991).

3. Pengenalan Kitab *Syarah Al-Taftazani Ala Al-Ahadith Al-Arba'In Al-Nawawiyyah*.

Sharh al-Taftazani 'Ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyyah merupakan salah satu daripada karya al-Taftazani dan ia merupakan huraian kepada *al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang penulis sufi Nusantara yang terkenal iaitu Sheikh 'Abd al-Rauf al-Fansuri. Terjemahan ini diberi tajuk *Sharh al-Latif* yang dihasilkan pada kurun ke 17M, dianggap sebagai karya *sharh al-hadith* yang pertama di Nusantara dan mempunyai kecenderungan tasawwuf. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana Sheikh 'Abd al-Rauf al-Fansuri sendiri merupakan tokoh tasawwuf yang terkenal pada waktu itu. Beliau dipetik berkata dalam karyanya :

Telah berkata fakir yang berpegang kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Syeikh Abd Rauf anak Ali. Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh hadis bagi karangan Imam Nawawi telah dikasih Allah Taala jua kiranya akan dia. Telah kupilih kebanyakannya daripada syarah Sheikh Sa'd al-Din al-Taftazani *rahmatullah `alayh*. Dan telah kujadikan ia dengan bahasa jawi Pasai.

Karya oleh al-Taftazani ini telah disenaraikan oleh Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba'in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Terdapat beberapa keistimewaan yang boleh dilihat pada karya ini :

- a. Ia merupakan salah satu daripada karya *sharh* bagi *al-Arba'in al-Nawawiyyah* dengan pendekatan tasawuf. Ia memberikan dimensi yang berbeza berbanding karya-karya *sharh* yang lain.
- b. Kebanyakan tokoh yang dijadikan rujukan merupakan tokoh-tokoh yang berkaliber dalam bidang tasawwuf.
- c. Pengarangnya banyak menukilkan pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh bahasa serta ulasan-ulasannya juga banyak menjurus ke arah itu.
- d. Pengarang juga banyak menyentuh tentang isu-isu akidah yang dirasakan amat penting untuk difahami.
- e. Metod *sharh* juga menarik kerana pengarang bijak menggunakan gaya dan stail yang menarik minat pembaca seperti memberi kesimpulan terhadap perbincangan yang panjang, memberikan pengajaran terhadap perbincangan yang mendalam, membuat penjelasan tambahan kepada isu lain yang berkait dengan isu utama serta memberi penekanan terhadap isu-isu penting yang perlu difahami oleh pembaca.
- f. Berdasarkan kepada huraian pengarang, karya ini dapat digolongkan dalam karya *sharh al-Arba'in al-Nawawiyyah* yang agak besar saiznya berbanding karya-karya yang lain.

Karya ini juga mempunyai kelemahan seperti :

- a. Tidak banyak memberi ulasan terhadap hukum hadis. Hal ini berkemungkinan kerana ia bukanlah tujuan utama pengarang ini dan sebahagian besar hadis-hadis ini adalah daripada riwayat al-Bukhari dan Muslim dan tidak banyak perdebatan yang timbul tentangnya.
- b. Pengenalan terhadap perawi-perawi juga tidak banyak ditekankan.
- c. Terdapat *al-athar* yang dinukilkan oleh penulis tidak dapat ditentukan sumbernya.

Sekiranya dilihat pada kehidupan al-Taftazani pada kurun ke 8H, kita akan mendapati bahawa beliau dikelilingi oleh imam-imam dan ilmuan Islam yang hebat kerana ia merupakan zaman kecemerlangan fikrah Islam dan ilmunya. Al-Taftazani mempunyai teman ilmuwan yang hidup sezaman dengannya pada waktu itu seperti Imam al-Isnawi (704H/1304M - 772H/1370M), Ibn Kathir (706H/1306M -774H/1372M), Taj Al-Din al-Subki (727H/1327M - 771H/1369M), Ibn al-Muhibb al-Samit (712H/1312M - 789H/1387M), Burhan al-Din Ibn Jama'ah (720H/1320H - 790H/1388M), al-Zarkasyi (745H/1344M -794H/1392M) dan ramai lagi. Menurut pandangan Dr. 'Abd Allah 'Ali al-Mala, Sa'ad al-Taftazani berada pada liganya yang tersendiri berbanding tokoh-tokoh lain pada waktu itu kerana mereka mengkhusus pada 4 ilmu yang utama iaitu hadis, tafsir, fekah dan 'akidah, manakala al-Taftazani pula mengkhusus *ilm al-kalam, usul al-feqh, ilm al-mantiq* dan *al-balaghah*.

4. Huraian Tasawuf al-Taftazani Tentang Peranan Hati.

al-Taftāzānī menghuraikan hadis 11 dengan menumpukan kepada peranan hati yang bersih dan ikhlas. Ia mampu memberikan tiga kesan yang utama iaitu sebagai timbang-tara kepada kebaikan atau keburukan; sebagai salah satu cara untuk menghilangkan perasaan ragu; dan juga mampu menghasikan lintasan hati yang dipandu oleh Allah Taala dan Malaikat.

عَنْ أَبِي مُحَمَّدٍ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ سَيِّدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَرِيحَانَتِهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: حَفِظْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ : دَعَا مَا يُرِيكَ إِلَى مَا لَا يُرِيكَ (رواه الترمذي والسائي وقال الترمذي حديث حسن صحيح).

Terjemahannya : Daripada Abu Muhammad al-Hasan ibn Ali ibn Abu Talib RA, cucu Rasulullah SAW dan orang kesayangan Baginda. Beliau berkata: Aku telah menghafal daripada Rasulullah SAW hadis: "Tinggalkanlah apa yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan engkau."

al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Abwāb Šifāt al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-Warā'*, Bāb A 'qāluhā wa al-Tawakkal, no. 2518.

Al-Taftazani menjelaskan bahawa hati yang bersih boleh menghilangkan keraguan iaitu dapat membezakan yang mana satu lintasan hati dari Malaikat dan yang mana satu lintasan hati dari syaitan. Orang sebegini dapat mengetahui bahawa lintasan hati itu dari dirinya atau dari Allah Taala. Beliau juga mampu membezakan antara hak dan batil.

Hakikatnya, huraian al-Taftazani adalah hampir sama dengan huraian tasawuf oleh penulis lain terhadap hadis 11 ini seperti yang dinyatakan oleh al-Tufi al-Hanbali (1988, 20) di dalam *al-Ta'yin*, al-Dimyati (t.t) di dalam *al-Jawāhir al-Lu'lu'iyah*, Ibn Mulaqqin (2012) di dalam *al-Mu'in ala Tafahhūm al-Arba'in*, Ismail bin Muhammad al-Ansari (t.t) di dalam *al-Tuhfah al-Rabbāniyyah*, Mustafa Abdul Rahman (2005) di dalam *Hadith 40*, Muhammad Abdurrazak Mahili (2003) dan juga Zulkifli al-Bakri (2016) di dalam *al-Kāfi* iaitu :

- a) Meninggalkan perkara yang meragukan adalah ciri-ciri orang yang warak.
- b) Seharusnya orang Islam membuat apa-apa perkara di atas dasar yakin yang dirasai dengan basirahnya.
- c) Hati adalah petunjuk kepada sesuatu pekerjaan. Sekiranya dirasakan ada ketenteraman atau ketenangan, maka kerjakanlah, kalau tidak, tinggalkannya.
- d) Hati yang bersih akan dapat membezakan sesuatu itu diterima oleh syarak atau ditolak. Ia umpama fitrah yang ada dalam diri manusia sehinggalah syahwat menguasainya dan membawanya kepada kejahatan.
- e) Akhlak yang baik bermaksud jujur dalam bermuamalah, santun dalam berusaha, adil dalam menghukum dan bersungguh-sungguh dalam berbuat kebajikan.

5. Peranan Hati di dalam *Syarah Hikam* oleh Tok Pulau Manis.

Apabila disentuh tentang peranan hati, Tok Pulau Manis akan menekankan kedudukan hati yang begitu penting dalam amalan tasawuf. Bahkan huraian tentang hati dan nur Ilahi ini boleh didapati dalam banyak *hikam* yang yang dinukilkan oleh Ibn 'Ata'illah. Nur cahaya itu adalah kenderaan hati menuju Hadrat Allah Taala. Tok Pulau Manis di dalam huraianya menekankan bahawa hati ini adalah tempat tersimpannya semua *sir* (rahsia). Sekiranya rahsia itu ingin disimpan dengan baik, maka bekasnya itu hendaklah dibersihkan terlebih dahulu. Setelah dibersihkan, maka hanya nur cahaya yang baik sahaja yang akan menempatnya. Setelah nur Ilahi menerangi hati, roh dan sir, maka akan tersingkaplah baginya ilmu laduni terus daripada Allah SWT. Setelah hati itu menjadi kenderaan tunggangan bagi kebenaran,

maka ia tidak dapat ditunggangi oleh sesuatu yang batil (palsu). Ini dapat dilihat dalam huraian Tok Pulau Manis terhadap hikmah :

الأنوارُ مطايا القلوبِ والأسرارِ

Terjemahannya : Nur-nur ilahi adalah kenderaan hati dan rahsia hati.

Nur cahaya itu adalah tentera hati. Ini adalah perumpaan kedua terhadap hati kerana selain dari kenderaan, ia juga dianggap sebagai tentera. Nur yang dimaksudkan adalah nur makrifat dan ilmu hakikat yang memberi faedah kepada tentera hati. Sekiranya cahaya itu tiada, maka nafsu, pelbagai adat kebiasaan yang jahat, nafsu *ammarah*, kegelapan jahiliah serta was-was syaitan akan menguasai diri. Kebaikan dan keburukan di dalam diri ini sering berperang antara satu dengan yang lain. Adakalanya yang batil itu menang dan adakalanya yang haq itu menang. Sekiranya Allah SWT sendiri hendak menolong hamba-Nya dari setiap musuhnya iaitu hawa nafsu dan keinginan syahwatnya, maka dikurniakan hatinya dengan tentera-tentera nur sebagai taufik dan hidayah-Nya. Maka, disinilah penting untuk manusia bermujahadah dengan sekuatnya untuk memastikan hanya “tentera” kebaikan yang menang. “Peperangan” yang dimaksudkan ini, medannya adalah hati. Ini pula huraian terhadap terhadap hikmah :

فإذا أراد الله أن ينصر عبده أمدّه بحنود الأنوارِ النورُ جنود القلبِ كما أن الظلمةَ جنودُ النفسِ، وقطعَ عنه مددُ الظلمِ والأغيارِ

Terjemahannya : “Nur itu ialah tentera hati, sebagaimana kegelapan adalah tentera nafsu. Jika Allah SWT mahu menolong hambaNya maka dibantu dengan tentera nur dan dihentikan bantuan kegelapan dan kepalsuan.”

Hati yang tidak disinari oleh nur ia akan menjadi umpama orang buta yang berjalan tanpa arah tujuan. Nur Ilahi untuk hati ini sangat penting kerana tanpanya penglihatan mata hati (*basīrah*) tidak dapat berfungsi. Maka hati tidak dapat menjalankan tugasnya. Maka jadilah hati itu seperti orang buta yang berjalan, yang bertindak menurut tanggapannya sendiri dan tidak tahu yang mana yang benar dan salah. Ini pula huraian terhadap hikmah :

وَالْقَلْبُ لَهُ الْإِقْبَالُ وَالْإِدْبَارُ النُّورُ لَهُ الْكَشْفُ وَالْبَصِيرَةُ لَهَا الْحُكْمُ

Terjemahannya : “Nur itulah yang dapat membuka (menerangi) hakikat segala perkara dan penglihatan mata hati (basirah) yang menerangkan hukum yang nampak nyata sama ada yang baik ataupun yang jahat (hati yang melaksanakannya atau menggagalkannya).”

Hati adalah tempat terpancarnya nur cahaya Ilahi dan rahsia-rahsia-Nya. Tok Pulau Manis menyatakan bahawa sumber terpancarnya nur itu di dalam hati manusia adalah dari dua perkara : *khauf* (takut) dan *raja* (pengharapan). Cahaya itu akan terpantul dari dalam hati dan akan menyinari anggota badan dengannya. Ini adalah huraian untuk hikmah :

مَطَالِعُ الْأَنْوَارِ الْقُلُوبُ وَالْأَسْرَارُ

Terjemahannya : “Tempat terbitnya berbagai-bagai nur cahaya Ilahi itu dalam hati manusia dan rahsia-rahsianya.”

Dalam perbincangan tentang peranan hati ini Tok Pulau Manis mengaitkannya juga dengan dua sifat iaitu ragu dan yakin.

Ragu adalah berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah SWT. Bagaimana manusia itu diuji keyakinannya pada Allah SWT apabila sesuatu yang dipohonnya belum ditunaikan oleh Dia. Adakah ia akan menimbulkan rasa ragu di dalam hati manusia? Keraguan ini adalah memudaratkan kerana ia mencacatkan pandangan mata hati dan memadamkan cahaya batin yang halus dan paling dalam. Ini adalah kesan yang paling buruk kerana apabila terpadamnya nur Ilahi ini, hati manusia akan menjadi “buta” dan tidak mampu lagi mendorong akal ke jalan yang benar. Ini adalah huraian pada hikmah berikut :

لَا يَشْكُوكَنَّكَ فِي الْوَعْدِ عَدَمٌ وَقُوعِ الْمَوْعُودِ، وَإِنْ تَعَيَّنَ زَمْنُهُ، لِئَلَّا يَكُونَ ذَلِكَ قَدْحًا فِي
بَصِيرَتِكَ، وَإِخْمَادًا لِلنُّورِ سَرِيرَتِكَ

Terjemahan : Janganlah kerana tiadanya pemenuhan atas apa-apa yang dijanjikan, padahal telah sampai waktunya, membuatmu ragu terhadap janjinya; agar yang demikian itu tidak menyebabkan basirah-mu suram dan cahaya sir-mu padam!”

Yakin akan menyebabkan akhirat itu menjadi lebih hampir dan menyebabkan dunia ini ghaib di mata anda (zuhud). Keyakinan terhadap Allah SWT menyebabkan kegembiraan anda hanyalah untuk akhirat dan menyebabkan manusia menjadi lapang dada dan lega sekiranya diberikan jalan keluar atau terlepas dari perkara dunia yang menyusahkan. Apabila dunia itu hilang dan musnah di dalam hati dan perasaan, tempatnya akan diganti dengan kehampiran kepada Allah SWT dan berada di sisi-Nya dengan aman dan damai. Ini adalah huraian Tok Pulau Manis terhadap hikmah berikut :

لَوْ أَشْرَقَ لَكَ نُورُ الْيَقِينِ، لَرَأَيْتَ الْآخِرَةَ أَقْرَبُ إِلَيْكَ مِنْ أَنْ تَرَحَّلَ إِلَيْهَا، وَلَرَأَيْتَ مَحَاسِنَ
الدُّنْيَا قَدْ ظَهَرَتْ كَسَفَةِ الْفَنَاءِ عَلَيْهَا

Terjemahannya : Seandainya cahaya nur keyakinan anda yang cemerlang itu telah menerangi hati anda, pasti anda akan dapat melihat Akhirat itu lebih dekat kepada anda sebelum anda melangkah kaki kepadanya, juga pasti anda akan dapat melihat segala keindahan dunia ini nampak seolah-olah telah diliputi kemuraman lalu hilang sama sekali dari pandangan

6. Analisis Perbandingan Pendekatan al-Taftāzānī Tentang Peranan Hati dengan Syarah Hikam oleh Tok Pulau Manis.

Setelah melihat huraian tasawuf yang dibuat oleh al-Taftāzānī tentang peranan hati serta membandingkannya dengan huraian Tok Pulau Manis di dalam *Syarah Hikam*, ia dapat dilihat dari beberapa aspek :

a) Mengaitkan peranan hati dengan Nur Ilahi.

Dalam tasawuf, Nur Ilahi mempunyai kaitan yang erat dengan keadaan seseorang yang sudah dapat melenyapkan segala macam sifat kemanusiaan atau sifat-sifat kebaharuan yang

selanjutnya diganti dengan sifat-sifat Ketuhanan (Azyumardi : 2008, 952). Nur Ilahi berfungsi menerangi hati manusia supaya tetap berpegang teguh kepada perintah Allah Taala. Kaitan antara hati dan Nur Ilahi ini tidak disebut oleh al-Taftāzānī secara langsung, tetapi ia berulang-kali ditekankan oleh Tok Pulau Manis di dalam huraianya dan ia dapat dilihat dalam aspek berikut :

- i. Peranan Nur Ilahi sebagai kenderaan hati untuk mendekatkan diri kepada Allah Taala.
- ii. Peranan Nur Ilahi sebagai tentera hati yang memastikan kebenaran yang menang dalam pertarungannya dengan kejahatan.
- iii. Hati tanpa Nur Ilahi akan menjadikan hati itu umpama orang buta yang berjalan tanpa arah kerana basirahnya tidak dapat berfungsi. Hati tanpa basirah akan kelam tanpa dapat membezakan yang baik dan yang buruk.
- iv. Hati adalah bekas rahsia Allah Taala. Sekiranya ingin diisi dengan Nur Ilahi ia perlukan bersih dan suci dari noda.

Sekiranya Tok Pulau Manis menyatakan bahawa Nur Ilahi adalah tentera hati, Imam al-Ghazālī (t.t, 2) pula menganggap hikmah kebijaksanaan dan pemikiran adalah tentera hati. Kedua-dua tentera ini jugalah yang memberi pertolongan kepada hati untuk mengalahkan dua lagi tentera hati iaitu marah dan nafsu syahwat. Tanpa pertolongan hikmah kebijaksanaan dan pemikiran, maka hati akan menyerah kalah kepada syaitan dan nafsu.

Sekiranya dianalisis, didapati pendekatan al-Taftāzānī agak berbeza dengan Tok Pulau Manis. Beliau didapati tidak membincangkan perkara ini di dalam huraianya terhadap hadis 11 sedangkan ia dipandang serius oleh tokoh sufi yang lain, termasuk lah Tok Pulau Manis. Bagi Tok Pulau Manis pula, adalah munasabah sekiranya perbincangan tentang perkaitan hati dan Nur Ilahi ini dilakukan secara mendalam, sesuai dengan pendekatan Ibn ‘Ata’illah dalam *al-Hikām* yang mengambil berat isu hati ini.

b) Mujahadah sebagai proses pembersihan hati.

Mujahadah ini adalah sesuatu yang sangat ditekankan oleh Tok Pulau Manis apabila menghuraikan tentang pentingnya memastikan hati manusia itu disinari dengan Nur Ilahi. Ia adalah Nur yang bukan boleh diperolehi dengan mudah, ia mesti melalui proses yang sukar. Tindakan Tok Pulau Manis ini adalah wajar kerana ia adalah satu konsep yang sangat ditekankan oleh tokoh-tokoh tasawuf yang lain di dalam penulisan mereka.

Ia sebagaimana pernyataan Imam al-Ghazālī tentang tiga *aḥwāl* manusia yang bermujahadah dengan hawa nafsunya:

- i. Dia dikalahkan oleh hawa nafsunya sendiri yang tidak mampu disalahinya, iaitu keadaan sebahagian besar manusia.
- ii. Keadaannya berperang yang adakalanya ia menang dan adakalanya dia kalah. Ini adalah keadaan orang yang mujahadah.
- iii. Hawa nafsunya tewas dan ia tidak mampu lagi menguasai manusia itu dalam apa jua keadaan lagi.

Syeikh ‘Abd al-Qadir Isa (2001, 98) menghuraikan konsep mujahadah secara terperinci di dalam karyanya. Malah, dengan dalil-dalil yang dibawa, hukum *tazkiyah al-nafs* atau penyucian jiwa adalah fardu ain. Memetik kata-kata Syeikh ‘Abd al-Ghani al-Nabulsi : “Mujahadah melawan nafsu adalah ibadah. Ia hanya mampu dicapai melalui ilmu dan ia merupakan fardu ain ke atas setiap mukallaf.”

Mujahadah perlu dilakukan secara berperingkat, bermula dengan membersihkan dan mengosongkan diri dari maksiat yang berkaitan dengan 7 anggota badan iaitu lidah, telinga, mata, kaki, perut dan kemaluan. Setelah itu ia diisi pula dengan ketaatan yang bersesuaian dengannya. Ketujuh-tujuh anggota ini merupakan pintu menuju hati yang akan menuangkan kegelapan lalu mengeruh serta menjadikan hati berpenyakit atau sebaliknya memasukkan cahaya ketaatan lalu mengubati serta menjadikannya bercahaya. Setelah itu, mujahadah tadi berpindah ke arah sifat-sifat batin. Menukarkan sifat jiwa yang hodoh seperti takabur, riyak, mudah marah dan sebagainya dengan sifat-sifat kesempurnaan seperti tawaduk, ikhlas, lemah lembut dan sebagainya.

Melihat kepada penekanan yang diberikan oleh Tok Pulau Manis serta penulis lain terhadap konsep mujahadah ini, ia agak berbeza dengan pendekatan al-Taftāzānī yang tidak menyentuhnya langsung di dalam huraian. Namun begitu, untuk memastikan hati benar-benar dapat berfungsi sebagai penimbang tara kepada kebaikan, ia tidak mungkin dapat lari dari konsep mujahadah. Seharusnya, beliau menekankan perkara ini secara langsung di dalam huraian bagi hadis ini.

c) Yakin lahir setelah hilangnya ragu.

Ragu adalah perkara utama yang ditekankan oleh Rasulullah SAW dalam hadis 11 dan tempat ragu itu adalah di dalam hati. Manusia tidak mungkin dapat menghilangkan sifat ragu sekiranya hati tidak suci dan bersih. Sifat meninggalkan perkara ragu ini adalah salah satu dari sifat seorang yang warak. Ini adalah pendekatan yang dilakukan oleh penulis-penulis lain di dalam huraian mereka terhadap hadis ini.

Al-Taftāzānī bagaimanapun hanya mencadangkan agar umat Islam meninggalkan perkara yang meragukan kerana ia adalah tuntutan agama. Begitu juga meninggalkan perkara yang membuatkan orang lain ragu juga adalah tindakan yang bijak.

Ragu juga tidak terlalu ditekankan oleh Tok Pulau Manis di dalam huraian. Beliau cuma menyatakan bahawa ragu adalah hati yang sudah terpadam cahaya batin yang halus dan paling dalam. Tidak mampu lagi untuk membezakan antara kebenaran dan kejahatan, malah telah hilang keyakinan kepada Allah Taala.

Lawan kepada sifat ragu ini adalah yakin sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Qushayrī (2013, 252). Beliau menegaskan bahawa ilmu itu selalu bertentangan dengan keraguan sedangkan yakin tidak lagi menimbulkan keraguan. Setelah hilangnya keraguan, maka yakin akan menjelma.

Sebagaimana sifat ragu, al-Taftāzānī juga tidak menyentuh tentang sifat yakin yang sepatutnya menjadi topik utama bagi huraian hadis 11 ini. Namun, berbeza sekali dengan Tok Pulau Manis yang membincangkan sifat yakin secara serius. Ini adalah relevan kerana setelah dihilangkan sifat ragu itu, maka sifat yakin akan mengambil alih. Dalam ilmu tasawuf, yakin adalah sesuatu yang sangat penting kerana ia menyebabkan manusia semakin hampir dengan Akhirat dan menjadikan seseorang hamba itu zuhud dan lapang dada sekiranya dijauhkan dengan keserabutan dunia.

Perbincangan tentang yakin ada terisi di dalam karya Imam al-Qushayrī secara mendalam. Ini tidak menghairankan kerana bagi golongan tasawuf, walau hanya dengan sedikit yakin tetapi

apabila ia sampai ke lubuk hati, maka hati akan penuh dengan cahaya, keraguan akan hilang dan hati akan dipenuhi dengan syukur dan takut kepada Allah Taala akan bertambah. Firman Allah Taala :

وَأَعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ ٩٩

Terjemahannya : Sembahlah Tuhanmu sehingga datang kepadamu keyakinan.

Surah al-Hijr (14) : 99

Yakin ternyata penting kerana ia merupakan tambahan kepada iman dan realiti kepada kebenaran. Bagi sesetengah orang, yakin adalah ilmu yang tersimpan di dalam hati. Oleh itu yakin memberi makna ilmu yang stabil dan tidak berbolak-balik, tidak berpindah-randah dan tidak berubah-ubah di dalam hati. Menurut Sahl bin Abdullah terdapat tiga bentuk tanda-tanda yakin; sedikit pergaulan dalam masyarakat; meninggalkan pujian dalam pemberian; tidak mencela orang lain apabila mendapat rintangan. Juga tiga bentuk dari tanda yakin iaitu ; memandang Allah Taala dalam segala sesuatu, kembali kepada Allah Taala dalam segala urusan dan meminta pertolongan dari Allah Taala dalam segala hal (al-Qushayri, 2001, 254).

Yakin juga amat penting dalam ilmu tasawuf kerana ia adalah sebahagian dari komponen yang membentuk iman. Komponen yang paling awal adalah makrifat, seterusnya yakin, pembenaran, ikhlas, penyaksian dan akhir sekali adalah taat. Yakin juga adalah *musyahadah* kerana tanpa yakin tak mungkin berlaku *musyahadah*. Tok Pulau Manis telah mempamerkan keseriusannya terhadap konsep yakin ini di dalam huraian *al-Hikamnya*. Ini adalah berbeza dengan al-Taftazani yang hanya menyentuh tentang peranan hati secara umum tanpa mengaitkannya dengan sifat yakin dan ragu.

d) Kesimpulan

Al-Taftazani menerapkan ciri-ciri tasawuf sunni di dalam huraianya dan dapat dilihat dalam hampir keseluruhan huraianya terhadap 42 buah hadis *al-Arba'in al-Nawawiyyah*, termasuk hadis ke 11 ini. Pendekatannya dalam huraianya menunjukkan beliau adalah pendukung dan pencinta gagasan tasawuf sunni Imam al-Ghazali di dalam *Ihya' Ulum al-Din* dan karya-karyanya yang lain.

Khusus pada huraian beliau terhadap hadis 11 ini adalah tentang peranan hati yang bersih dan ikhlas. Ia mampu memberikan kesan yang baik kepada pemilik hati tersebut iaitu ia boleh dijadikan neraka dalam membezakan kebaikan dari keburukan. Hati yang bersih juga berperanan menimbulkan rasa yakin yang mengatasi keraguan serta menghasikan lintasan hati yang dipandu oleh Allah Taala dan Malaikat. Namun begitu, didapati al-Taftazani tidak menjelaskan dengan lebih lanjut konsep yakin dan ragu dalam kehidupan beribadat umat Islam. Ini berbeza apabila dibandingkan dengan Tok Pulau Manis kerana ia boleh ditemui dalam kuantiti yang agak kerap di dalam karya huraian *al-Hikam* beliau.

Rujukan

- 'Abd al-Qadir Isa, *Haqa'iq al-Tasawuf* (Syria : Dar al-'Urfan, 2001).
al-Ansari, Ismail bin Muhammad, *al-Tuhfah al-Rabbaniyyah fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*, (Beyrut : Matba'h Dār al-Nasyr al-Thaqāfah, t.t).
al-Asbihani, Al-Mirza Muhammad Baqir al-Mawsa al-Khawansariy, *Rawdat al-Jannat fi Ahwal al-'Ulama wa al-Sadat* (Beirut : al-Dar al-Islamiyah, 1991).

- al-Dimyati, Muhammad bin Abdullah al-Jurdani, *al-Jawāhir al-Lu'lu'iyah fī Syarḥ al-Arba'īn al-Nawawiyah*, (al-Azhar : Maktabah al-Imān bi al-Manṣūrah, cet.1, t.t).
- al-Hanbalī, Najm al-Dīn bin Sulaimān bin 'Abd al-Qawiy bin 'Abd al-Hakīm al-Ṭūfī, *al-Ta'yīn fī Syarḥ al-Arba'īn al-Nawawiyah*, (Beyrūt : Muassasah al-Rayyān, 1998).
- al-Mala, 'Abd Allah 'Ali Husyan (1996), *al-Taftazani wa Mawqifih min al-Uluhiyyat*, Tesis PhD, Jabatan 'Aqidah, Kuliyyah al-Da'wah wa Usul al-Din, Universiti Ummul Qura.
- al-Naysabūrī, Abū al-Qāsim Karim Hawāzin al-Qushayrī *Al-Risālah al-Qushairiyah*, terj. Umar Faruq (Jakarta : Pustaka Amani, 2013).
- al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Abwāb Ṣifāt al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-Warā'*, *Bāb A'qāluhā wa al-Tawakkal*, no. 2518, (Saudi Arabia : Dār al-Salām, 2000).
- Azyumardi Azra et.all, *Ensiklopedi Tasawuf* (Bandung : Penerbit Angkasa, 2008).
- Ibn Mulaqqin, *al-Mu'in ala Tafahhūm al-Arba'īn*, ed. Dagash bin Shabīb al-'Ajami (Kuwait : Maktabah Ahl al-Athar, 2012).
- Muhammad Abdurrazak Mahili, *Cahaya Nabawi : Syarah Sufistik 40 Hadis Imam Nawawi* (Jakarta : Penerbitan IIMAN, 2003).
- Mustafa Abdul Rahman, *Hadith 40 : Terjemahan dan Syarahnya* (Shah Alam : Dewan Pustakan Fajar, 2005).
- Zulkifli al-Bakri, *al-Kafi Syarah Hadis 40* (Nilai, Negeri Sembilan : Pustaka Cahaya Kasturi, 2016).